



مجلس دائرة ليبis

MAJLIS DAERAH LIPIS

KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN

27200 KUALA LIPIS

PAHANG DARUL MAKMUR

Tel:09-3121253/3121433 Faks:09-3123953 e-mel:mdlipis@pahang.gov.my Facebook:@MDLipis

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan di dalam Pentadbiran Majlis Daerah Lipis.

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN JAWATAN
1.	Pembantu Penguatkuasa	KP19	Keselamatan dan Pertahanan Awam	Contract Of Service	01

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19

- (a) Skim Perkhidmatan : **PELAKSANA**
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
- (c) Taraf Jawatan : **KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)**
- (d) Bilangan Kekosongan : **01**
- (e) No. Fail jawatan : **MDL/JKP/909**

JADUAL GAJI :

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401KP19000	KP19	RM1,360.00	RM4,052.00	RM100.00
ELAUN	Imbuhan Tetap Khidmat Awam			RM115.00
	Imbuhan Tetap Perumahan			RM300.00
	Bantuan Sara Hidup			RM200.00

2. KELAYAKAN

- (i) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan;

DAN

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji Permulaan pada Gred KP19 - RM1,360.00) DAN

- (iii) Keutamaan akan diberikan kepada bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat konstabel atau prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan

(Gaji Permulaan pada Gred KP19 - RM1,360.00); ATAU

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia serta Sijil Kemahiran Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji Permulaan pada Gred KP19 RM1,416.40);

- (v) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-

a. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

b. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

c. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

d. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki); dan

e. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

3. SYARAT LANTIKAN BAGI ANGGOTA POLIS ATAU TENTERA

Calon yang merupakan bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya hendaklah memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan dalam perkara (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) di atas.

4. DISKRIPSI TUGAS

Membantu membuat operasi penguatkuasaan, penyediaan statistik penguatkuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

- a. Borang permohonan hendaklah menggunakan **BORANG MDL/JKP/JAWAT 01/03** yang boleh didapati di **KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN, MAJLIS DAERAH LIPIS**, Pahang Darul Makmur dan boleh muat turun borang ini di Laman Web Majlis Daerah Lipis iaitu www.mdlipis.gov.my
- b. Borang permohonan mestilah lengkap dengan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-
 - (i) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport iaitu 2.5 sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbas atau difotostat*);
 - (ii) Salinan kad pengenalan (*depan dan belakang*);
 - (iii) Salinan surat beranak;
 - (iv) Salinan kad pengenalan bapa/ibu (sila sertakan salinan sijil kematian sekiranya ibu/bapa telah meninggal dunia);
 - (v) Salinan keputusan peperiksaan yang disyaratkan dalam iklan serta salinan sijil-sijil persekolahan; dan
 - (vi) Salinan sijil-sijil lain yang berkenaan.
- c. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH**.
- d. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

Yang Dipertua
Majlis Daerah Lipis
Kompleks Pejabat Kerajaan
27200 KUALA LIPIS

TARIKH IKLAN DIKELUARKAN : 04 MAC 2021

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 23 MAC 2021

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Daerah Lipis selewat-lewatnya pada **23 MAC 2021 (SELASA) JAM 5.00 PETANG**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.


CATATAN AM

- a. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan:-
 - (i) Tidak menggunakan borang MDL/JKP/JAWAT 01/03
 - (ii) Tiada salinan Sijil Kelahiran
 - (iii) Tiada salinan Kad Pengenalan pemohon/ibu/bapa dan salinan sijil kematian (jika berkaitan)
 - (iv) Tiada salinan kelulusan pelajaran/peperiksaan
 - (v) Borang permohonan pemohon yang tidak ditandatangani
 - (vi) Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak jelas
 - (vii) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - (viii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
 - (ix) Salinan sijil tidak diakui sah
 - (x) Gambar pasport tidak disertakan serta gambar difotostat atau diimbas
 - (xi) Tidak melengkapkan keterangan mengenai 2 orang saksi serta tiada tandatangan
 - (xii) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan
 - (xiii) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan; dan
 - (xiv) Tiada salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilaian Prestasi sekiranya telah berkhidmat dengan jabatan Kerajaan.
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap permohonan tersebut tidak berjaya.
- c. Majlis Daerah Lipis tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

"Mengharungi Cabaran Bersama"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' MOHD HAFIZI BIN IBRAHIM, DIMP., SMP., AAP., AMP.)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Lipis

Bertarikh : 04/03/2021

sm/iklan jawatan kosong